

D923

U B514 AAB

LEAD MAHATHIR - IPC
(I)

SUBANG, 11 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERLEPAS KE JEDDAH HARI INI UNTUK MENGHADIRI PERSIDANGAN KELAPAN JAWATANKUASA PERDAMAIAN ISLAM (IPC) MENGENAI PERSENGKETAAN IRAN/IRAQ.

PERDANA MENTERI DIIRINGI OLEH MENTERI LUAR TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN DAN LIMA PEGAWAI KANAN WISMA PUTRA UNTUK MENGHADIRI PERSIDANGAN TIGA HARI BERMULA ESOK ITU.

MALAYSIA IALAH SALAH SEBUAH NEGARA ANGGOTA JAWATANKUASA ITU YANG DITUBUHKAN DALAM SIDANG KEMUNCIAK PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM DI TAIF, 1981.

NEGARA-NEGARA LAIN YANG MENJADI ANGGOTANYA IALAH BANGLADESH, GAMBIA, PAKISTAN, SENEGAL, TURKI, REPUBLIK GUINEA, DAN PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN (PLO).

YANG TURUT HADIR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT JALAN KEPADA PERDANA MENTERI DAN ROMBONGANNYA IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, TIMBALAN MENTERI KEWANGAN DATUK DR TAN TIONG HONG DAN TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA MEGAT JUNID MEGAT AYUB.

-- LAGI

1157MST 11 09 85

D927

U B517 AAB

LEAD MAHATHIR - IPC 2 SUBANG

PEMBANTU KHAS KEPADA MENTERI LUAR ENCICK MOHAMED REDZUAN KUSHAIRI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA BAHAWA IPC KINI MEMBERI KEUTAMAAN UNTUK BERDIALOG DENGAN DUA NEGARA TERBABIT.

ENCICK REDZUAN BERKATA TIADA PENYELESAIAN SEGERA UNTUK MENGATASI PERTIKAIAN ITU YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI +MENYULITKAN+. -- BERNAMA.
1202MST 11 09 85